

04/12/1997

Kaedah baru kira harga minyak masak

LANGKAWI, Rabu - Kabinet hari ini memutuskan menolak kenaikan harga minyak masak yang menggunakan mekanisme pengiraan berasaskan harga pasaran eksport, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Jemaah Menteri yang tidak bersetuju dengan mekanisme sedia ada, mengarahkan pengeluar mengenal pasti mekanisme baru yang tidak mengambil kira harga eksport.

Sambil menjelaskan kerajaan belum meluluskan harga tetap yang dicadangkan Kementerian Perusahaan Utama, beliau berkata, penekanan utama kini ialah ke arah mengenal pasti mekanisme baru.

"Kerajaan tidak bersetuju dengan kenaikan harga minyak masak serta mekanisme pengiraan harga yang mengambil kira kadar eksport yang diterjemah kepada ringgit.

"Sehubungan itu, Kabinet mengarahkan pihak berkenaan tidak menaikkan harga (minyak masak), tetapi mengenal pasti mekanisme sesuai untuk menetapkan harga baru," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau kapal perang yang berlabuh di perairan Tanjung Malai untuk menyertai Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97) di sini, petang ini.

Terdahulu di sebelah pagi, beliau mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri selama hampir tiga jam di pusat peranginan Gunung Raya.

Semalam, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mengumumkan harga runcit minyak masak tulen kelapa sawit ditetapkan RM3.15 sekilogram (kg), manakala minyak masak campuran RM3.65 kg apabila Skim Penstabilan Harga (PSS) dipersetujui Kabinet, pagi ini.

Menurut Dr Lim, penetapan harga minyak masak menerusi PSS yang sepatutnya berkuatkuasa 1 Januari ini, dilaksanakan menerusi penstabilan harga minyak sawit mentah (MSM) dalam negara sekurang-kurangnya RM1,400 setan metrik pada nilai pasaran semasa.

(END)